

LIMITASI MAKNA FĪ SABĪL ALLĀH DALAM PENGAGIHAN ZAKAT BERDASARKAN IJMĀ ‘

LIMITATIONS OF FĪ SABĪL ALLĀH MEANING IN THE ZAKAT DISTRIBUTION BASED ON SCHOLARS’ CONSENSUS

Mohammad Faizul bin Abdan¹
Mohd Asyran Safwan bin Kamaruzaman²
Mohd Fazdli bin Rosli³

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, 72000 Parit Tinggi, Negeri Sembilan, Malaysia, (E-mail: 2022217494@student.uitm.edu.my)

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, 72000 Parit Tinggi, Negeri Sembilan, Malaysia, (E-mail: asyransafwan@uitm.edu.my)

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, 72000 Parit Tinggi, Negeri Sembilan, Malaysia, (E-mail: fazdlirosli@gmail.com)

Article history

Received date : 15-3-2023

Revised date : 20-3-2023

Accepted date : 1-7-2023

Published date : 20-7-2023

To cite this document:

Abdan, M. F., Kamaruzaman, M. A. S., & Rosli, M. F. (2023). Limitasi Makna Fī Sabīl Allāh Dalam Pengagihan Zakat Berdasarkan Ijmā ‘. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (54), 300 - 309.

Abstrak: Pengagihan zakat dalam syariat Islam adalah terhad kepada lapan *aṣnāf* yang telah ditetapkan Allah di dalam al-Quran. Ini adalah termasuk pengagihan kepada *fī sabīl Allāh* yang dikhususkan untuk mereka yang berperang di jalan Allah dan tidak menerima sebarang gaji atau upah daripada baitulmal. Terdapat *ijmā ‘* yang dinukilkan oleh Ibn Qudāmah, Ibn Mundir dan selainnya tentang limitasi tafsiran *fī sabīl Allāh* hanya kepada yang berperang di jalan Allah dan tidak menerima sebarang gaji atau upah daripada baitulmal. Namun begitu, terdapat sebahagian ilmuwan kontemporari yang meluaskan tafsiran *fī sabīl Allāh* kepada sebarang bentuk kebajikan di jalan Allah. Kajian ini akan melihat kepada keabsahan pendapat ilmuwan kontemporari ini berdasarkan kepada kaedah *Lā Masāgh Li al-Ijtihād fi Mawrid al-Nas*. Metod yang digunakan ialah kualitatif dan kajian perpustakaan di mana pengkaji akan melihat *ijmā ‘* yang telah dinukilkan dan seterusnya membandingkan pendapat ilmuwan kontemporari berdasarkan kaedah *Lā Masāgh Li al-Ijtihād fi Mawrid al-Nas*. Hasil kajian mendapati bahawa pendapat ilmuwan kontemporari adalah bercanggah dengan *ijmā ‘* yang jelas tentang limitasi tafsiran *fī sabīl Allāh*. Justeru satu kaedah alternatif pengagihan zakat adalah diperlukan bagi menyalurkan zakat kepada bentuk-bentuk kebajikan yang lebih umum.

Kata kunci: Zakat, *Fī sabīl Allāh*, *Ijmā ‘*, *Lā Masāgh Li al-Ijtihād fi Mawrid al-Nas*

Abstract: The distribution of zakat in Islamic Shariah is limited to the eight categories (*aṣnāf*) that Allah has defined in the Quran. This includes the distribution of zakat towards *fī sabīl Allāh* which is specifically allocated to those who fight in the way of Allah and do not receive any salary or wages from the baitulmal (public treasury). There is a consensus (*ijmā ‘*) cited by

Ibn Qudāmah, Ibn Munḍir, and others regarding the limitation of the interpretation of fī sabīl Allāh only to those who fight in the way of Allah and do not receive any salary or wages from the baitulmal. However, some contemporary scholars have extended the interpretation of fī sabīl Allāh to any form of charity in the way of Allah. This study will examine the validity of the opinions of these contemporary scholars based on the principle of Lā Masāgh Li al-Ijtihād fi Mawrid al-Nas. The method used is qualitative and library research where the researcher will examine the consensus that has been cited and then compare the opinions of contemporary scholars based on the principle of Lā Masāgh Li al-Ijtihād fi Mawrid al-Nas. The results of the study found that the opinions of contemporary scholars contradict the clear consensus on the limitation of the interpretation of fī sabīl Allāh. Therefore, an alternative principle of zakat distribution is needed to channel zakat towards more general forms of charity.

Keywords: Zakat, Fī sabīl Allāh, Ijmā', Lā Masāgh Li al-Ijtihād fi Mawrid al-Nas.

Pendahuluan

Zakat merupakan salah satu rukun daripada rukun-rukun Islam. Sejarah zakat telah bermula sejak zaman permulaan Islam di Makkah lagi tetapi perintah diwajibkan zakat pada masa tersebut adalah secara umum. Ayat-ayat Al-Quran yang menerangkan perintah wajib menunaikan zakat juga tidak dinyatakan secara terperinci tentang jenis-jenis harta benda dan jumlah yang diwajibkan zakat. Zakat pada ketika itu ditunaikan sekadar mengikut timbang rasa orang-orang Islam dan kemurahan hati mereka (Muaz et. al 2016).

Perintah menunaikan Zakat bermula pada tahun kedua Hijrah, iaitu tahun diwajibkan puasa Ramadhan. Kedudukannya terletak sebagai rukun yang ketiga selepas syahadah dan solat. Kedudukan ini menunjukkan akan kepentingannya dalam agama Islam. Perkataan zakat dari sudut etimologi adalah bersumberkan kata akar dari zakā yang bererti tumbuh dan elok. AlWāhidi memberi perbandingan terhadap tanaman dengan erti zakāt yang membawa maksud tumbuh (al-Qarḍāwi 2004). Setiap sesuatu yang bertambah juga disebut sebagai zakā dan ianya lebih sempurna apabila sesuatu tanaman tumbuh sempurna tanpa cacat, maka perkataan zakā secara asasnya membawa erti baik dan bersih. Menurut Lisān al-‘Arab (t.t) kata terbitan zakat adalah seperti yang tersenarai dalam al-Mu‘jam al-Wasīṭ (2004).

Mengenai pengagihan, dana zakat telah dikhaskan secara spesifik untuk diagihkan terhadap lapan golongan sebagaimana firman Allah SWT (al-Tawbah: 60):

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ
وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ (٦٠)

Maksudnya: “Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (muallaf), untuk memerdekakan hamba sahaya, untuk membebaskan orang yang berhutang, untuk yang berada di jalan Allah dan untuk orang yang sedang di dalam perjalanan sebagai kewajiban dari Allah. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”

Berdasarkan ayat ini, lapan golongan yang berhak menerima zakat ialah faqīr, miskīn, ‘āmil, muallaf, al-riqāb, al-ghārimin, ibn sabīl dan fī sabīl Allāh. Kajian ini menumpukan terhadap

tafsiran fi sabīl Allāh. Di Malaysia, seluruh negeri telah menafsirkan aṣnāf fi sabīl Allāh dengan tafsiran yang terlalu umum merangkumi semua jenis amal kebajikan dan segala aktiviti kebaikan (Nooh Gadut 2009). Hal ini dilihat kurang tepat berbanding dengan tafsiran atau takrifan yang disepakati oleh ijmā' sebagaimana nukilan Ibn Qudāmah al-Ḥanbali dalam al-Mughni (1997) dan Ibn Mundhir dalam al-Ishrāf (t.t).

Perincian Takrifan Aṣnāf Dalam Madhhab Shāfi'i

Berikut ialah penerangan ringkas definisi bagi setiap aṣnāf menurut Ismail Dawūd al-Faṭāni (2003). Definisi setiap golongan aṣnāf yang layak menerima zakat di dalam Madhhab Shāfi'i menurut beliau adalah seperti berikut:

i. Faqīr

Iaitu orang yang tidak mempunyai apa-apa harta atau pekerjaan atau mempunyai pekerjaan namun tidak mencukupi untuk perbelanjaan bagi melengkapkan perbelanjaannya seharian, iaitu pendapatannya kurang daripada separuh perbelanjaan keperluannya.

ii. Miskīn

Iaitu seseorang yang mempunyai pekerjaan atau hasil usaha yang hanya memenuhi sebahagian keperluan asasinya tetapi tidak mencukupi untuk menampung keperluan harian dan juga menampung orang-orang tanggungannya. Jadi kedudukan orang Miskīn lebih baik sedikit daripada orang Faqīr.

iii. 'Āmil

Iaitu mereka ialah orang yang dilantik oleh pemerintah (ketua negara) untuk memungut dan mendaftarkan zakat yang diterimanya dan mengumpul orang-orang yang berhak menerimanya dan membahagikannya.

iv. Muallaf

Iaitu orang yang baru memeluk Islam dimana imannya belum kukuh dan kuat. Tujuan diberikan zakat kepadanya ialah untuk menjinakkan hatinya dan meneguhkan imannya.

v. al-Riqāb

Iaitu hamba mukātab yakni hamba yang telah dijanjikan tuannya untuk dibebaskan dengan syarat dia hendaklah menjelaskan bayaran yang dimaklumi kepada tuannya secara beransur, untuk menebus dirinya haruslah diberi zakat kepadanya.

vi. al-Ghārimīn

Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga tanggungannya atau berhutang kerana menghentikan fitnah antara dua kumpulan yang berkelahi, berhutang kerana menjamin hutang orang lain dan dia tidak mampu untuk membayarnya, dan berhutang kerana mengadakan jamuan, atau kerana membuat masjid atau kerana melepaskan tawanan Islam.

vii. Fī sabīl Allāh

Orang yang berperang pada jalan Allah. Mereka ialah orang yang pergi berperang kerana Allah tanpa mengambil sebarang upah (gaji) dari imam (pemerintah).

viii. Ibn sabīl

Mana-mana orang dalam perjalanan bagi maksud-maksud yang diluluskan oleh syarak dari mana-mana negeri atau negara yang memerlukan bantuan zakat dimana orang itu tidak mampu dan amat memerlukan.

Takrifan di atas secara umumnya adalah menurut pandangan ulama Syafie dan ulama yang mempunyai kedudukan (rutbah) ijthad mazhab. Manakala sebahagian takrif yang ada pada masa sekarang ada yang bercampur aduk dan tidak menepati pendapat jumhur ulama.

Takrifan Aṣnāf Fī Sabīl Allāh Dalam Empat Madhhab

Banyak kajian yang telah dilakukan yang menumpukan kepada tafsiran aṣnāf terutamanya golongan aṣnāf fī sabīl Allāh dari segi pendapat ulama-ulama dahulu dan kontemporari (Rabi'atul Solehah et. al 2018). Tafsiran atau takrifan yang disepakati oleh ijmā' terhadap makna sebagaimana fī sabīl Allāh ialah mereka yang berperang di jalan Allah. Hal ini dinukilkan Ibn Qudāmah al-Ḥanbali dalam al-Mughni (1997) dan Ibn Mundhir dalam al-Isḥrāf (t.t). Selain itu Ibn al-'Arabi dalam kitab Ahkām al-Qur'ān turut menukilkan pendapat Mālik ibn Anas (1913) bahawa fī sabīl Allāh ialah yang berperang. Al-Nawawi juga senada Mālik ibn Anas yang menyatakan dalam al-Majmū' Sharh al-Muhazzab bahawa fī sabīl Allāh dalam ayat al quran tersebut ialah al-Ghāzi iaitu mereka yang berjihad perang di jalan Allah yang tidak menerima upah atau gaji daripada Bayt al-Māl.

Takrifan Aṣnāf Fī Sabīl Allāh Di Sisi Ilmuwan Kontemporari

Nooh Gadut (2009) dalam kertas kerjanya bertajuk *Konsep Asnaf Fisabilillah Mengikut Hukum Syarak* yang dibentang dalam Seminar Pengagihan Zakat di Bawah Sinf Fisabilillah Anjuran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan berusaha keras membawa tafsiran yang berbeza terhadap aṣnāf fī sabīl Allāh dengan mengemukakan pandangan yang mengharuskan agihan zakat kepada sebarang amal kebajikan bagi menegakkan agama Allah. Senada dengan Nooh Gadut, Azman Ab Rahman et.al (2016) dalam kertas konferen Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016 bertajuk *Skim Agihan Zakat Kepada Asnaf Fi Sabilillah Mengikut Maqasid Syariah: Kajian di Selangor dan Wilayah Persekutuan* menyatakan bahawa Negeri Selangor telah mentakrifkan aṣnāf fī sabīl Allāh ialah perjuangan, usaha dan aktiviti yang bertujuan untuk menegakkan dan mempertahankan agama Allah manakala Wilayah Persekutuan mentakrifkan mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau aktiviti menegak, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya.

Selain itu, Mohamad Zulkurnai Ghazali (2019) dalam tesis Ph.D bertajuk *Faktor Penentu Pembayaran Zakat Perniagaan di Kedah* menjelaskan bahawa jumlah agihan zakat bagi aṣnāf fī sabīl Allāh bagi tahun 2009 yang jauh mengatasi agihan kepada asnaf fakir dan miskin di sembilan buah negeri (kecuali Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan dan Terengganu), hal ini kerana penerimanya ialah golongan pelajar yang layak untuk menyambung pengajian dalam mahu pun luar negeri. Ini menunjukkan bahawa aṣnāf fī sabīl Allāh juga ditakrifkan sebagai pelajar yang menyambung pelajaran itu sebagai berjuang di jalan Allah.

Maka kesimpulannya, wujud takrifan moden terhadap aṣnāf fī sabīl Allāh yang mengharuskan agihan dibuat kepada sebarang aktiviti kebajikan atas alasan menegakkan agama Allah. Pengkaji mendapati bahawa kebanyakan pengkaji moden mengusulkan dana agihan aṣnāf fī sabīl Allāh digunakan bagi tujuan kebajikan yang bersifat lebih umum dan tidak tertumpu kepada mereka yang berperang di jalan Allah semata-mata. Sedangkan hal ini bercanggah dengan pendapat para ulama yang lebih berautoriti dan lebih-lebih lagi bercanggah dengan takrifan yang dinukilkan daripada ijmā'.

Kehujahan Ijmā‘

Ijmā‘ merupakan sumber ketiga bagi penentuan hukum Islam. Ijmā‘ merupakan kesepakatan para *mujtahid* terhadap sesuatu urusan keagamaan sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Khātib al-Baghdādī (w.463H) (al-Baghdādī 1975):

اجماع أهل الإجتهد في كل عصر حجة من حجج الشرع ودليل من أدلة الأحكام المقطوع على مغيبه

Maksudnya: “Persepakatan ahli ijtihad pada setiap zaman merupakan suatu hujah daripada hujah-hujah syarak dan juga merupakan suatu dalil dripada sekian dalil terhadap hukum-hukum yang bersifat putus”

Senada dengan beliau ialah Shaykh ‘Abd Allāh al-Hararī (2004). Selain itu, kehujahan ijmā‘ dalam pengisbatan akidah adalah jelas sebagaimana disebut oleh Abū Mansūr al-Baghdādī (w. 429H) iaitu (al-Baghdādī t.t):

واتفقوا- اي اهل السنة و الجماعة- على أن أصول أحكام الشرعية: القرآن، والسنة، وإجماع السلف

Maksudnya: “Mereka iaitu golongan Ahli Sunnah Waljamaah - bersepakat bahawa sumber bagi hukum-hukum syarak adalah al-Quran, al-Sunnah dan Ijmā‘ al-salaf”

Penyandaran ijmā‘ sebagai dalil dalam agama ialah sebagaimana disebut oleh al-Hākim dalam kitabnya *al-Mustadrak* (1997):

فقد ذكرنا تسعة أحاديث بأسانيد صحيحة يستدل بها على الحجة بالإجماع واستقصيت فيه تحريا لمذاهب الأئمة المتقدمين رضي الله عنهم

Maksudnya: “Sesungguhnya kami telah menyebutkan sebanyak sembilan buah hadis dengan sanad yang sahih di mana hadis-hadis tersebut menunjukkan kehujahan ijmā‘ dan saya telah menyelidikinya habis-habisan bagi maksud menyesuaikan dengan [huraian] mazhab-mazhab para imam yang terdahulu r.a”

Hasilnya, ijmā‘ adalah bersifat Qathie dan tidak boleh dicangghah. Justeru kaedah *Lā Masāgh Li al-Ijtihād fi Mawrid al-Nas* digunapakai dalam membantah golongan yang berijtihad terhadap perkara yang telah mempunyai ketetapan dalam ijmā‘. Kaedah ini bermakna ijtihad hanya berlaku pada isu atau perkara yang tidak mempunyai petunjuk nas yang jelas dalam al-Quran, al-Sunnah dan Ijmā‘. Adapun bagi sesuatu hukum yang mempunyai petunjuk nas yang jelas dalam dalam al-Quran, al-Sunnah dan Ijmā‘, maka tidak sepatutnya ia diperbincangkan lagi bagi merubah makna yang telah jelas.

Ini kerana, ijtihad bertujuan untuk menghasilkam hukum syarak, jika nas sudah nyatakan hukum dengan jelas, maka tiada keperluan untuk berijtihad. Maka jelaslah disini, sebarang percubaan untuk mentakwil atau mengambil maksud yang jauh daripada pemahaman asal pada nas yang telah jelas maknanya, adalah suatu yang salah dalam agama. Hal ini dijelaskan dalam al-Quran (al-Ahzab:36):

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا لِمُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا (٣٦)

Maksudnya: “Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.”

Kaedah *Lā Masāgh Li Al-Ijtihād Fi Mawrid Al-Nas* Terhadap Ijmā’

Kaedah ini membawa erti tiada lagi ruang untuk berijtihad setelah adanya nas yang jelas dan qathi’e (al-Būrnū 2002). Hal ini kerana ijtihad hanya dibenarkan bagi para mujtahid yang telah sempurna syarat-syarat ijtihad mereka terhadap nas-nas yang bersifat zanni sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Juwayni dalam al-Waraqāt (al-Qaḍi 2020). Al-Būrnū (2002) menjelaskan:

لا يجوز ولا يصح الإجتهد بإستعمال الرأي والقياس لإيجاد حكم لمسألة ما قد ورد فيها نص شرعي من كتاب أو سنة أو إجماع صحيح

Maksudnya: “Tidak diperbolehkan berijtihad dengan pendapat dan qiyas dalam keadaan hukum suatu permasalahan itu telah sabit ada, yang disebutkan dalam nas syarak, sama ada daripada al-Quran, al-Sunnah, atau Ijmā’ yang sah”

Hal ini juga disebut oleh al-Dūsarī (2007) dalam karyanya *al-Mumti’ fi al-Qawā’id alFiqhiyyah*:

أنه لا يجوز ولا يصح الإجتهد في حكم مسألة ورد بشأ النص صريح من القرآن أو السنة الصحيحة الصريحة وكذا الإجماع الثابت

Maksudnya: “Bahawa sesungguhnya tidak harus (haram) dan tidak sah berijtihad dalam hukum mengenai suatu permasalahan yang terdapat nas secara terang (menjelaskan akan hal tersebut) baik ianya daripada al-Quran, al-Sunnah yang sah dan jelas, dan begitu juga ijmā’ yang sabit”

Untuk lebih memahami isu ini, al-Dūsarī (2007) memberi satu contoh yang jelas dalam kitabnya, kata beliau:

لو اجتهد مجتهد وقال إن المطلقة الرجعية يشترط رضاها لصحة رجعتها فإن اجتهده هذا غير صحيح

Maksudnya: “Jika seorang mujtahid berijtihad dan berkata bahawa isteri yang ditalak raj’i disyaratkan keredhaan isteri supaya sah rujuknya suami kepadanya maka sesungguhnya ijtihad ini adalah tidak benar”

Oleh yang demikian, sebarang pendapat, fatwa atau ijtihad mana-mana individu atau pihak yang menyelisihi al-Quran atau al-Sunnah atau Ijmā’ yang qathi’e adalah tertolak secara dasarnya berdasarkan penjelasan para ulama usul al-fiqh.

Takrifan Aṣnāf Fī Sabīl Allāh Kontemporari Adalah Bercanggah Dengan Ijmā‘

Agihan zakat merupakan salah satu perkara yang kritikal dan sangat signifikan dalam membendung jurang ekonomi di dalam masyarakat Islam. Agihan zakat juga dilihat dapat menyelesaikan masalah-masalah yang terkait dengan kebajikan umat Islam selain daripada penggunaan wang sedekah dan wakaf. Agihan zakat kepada aṣnāf adalah tanggungjawab utama ‘āmil di institusi zakat. Namun, amanah dalam mengurus zakat tidak harus dibebankan ke atas bahu ‘āmil sahaja. ‘Āmil sentiasa diawasi oleh banyak pihak menerusi pelbagai mekanisme seperti diaudit oleh pelbagai badan audit dan badan-badan berwajib yang lain.

Sesuatu agihan zakat itu bergantung kepada tafsiran yang dibuat oleh pihak berautoriti. Oleh itu, tafsiran setiap aṣnāf adalah sangat penting agar hasil daripada agihan itu efektif serta menepati dengan apa yang diperintahkan oleh Allah. Banyak kajian yang telah dilakukan yang menumpukan kepada tafsiran aṣnāf terutamanya golongan aṣnāf fī sabīl Allāh dari segi pendapat ulama-ulama dahulu dan kontemporari (Rabi’atul Solehah et. al 2018). Di Malaysia, seluruh negeri telah menafsirkan aṣnāf fī sabīl Allāh dengan tafsiran yang terlalu umum merangkumi semua jenis amal kebajikan dan segala aktiviti kebaikan (Nooh Gadut 2009).

Hal ini dilihat kurang tepat berbanding dengan tafsiran atau takrifan yang disepakati oleh ijmā‘ sebagaimana nukilan Ibn Qudāmah al-Ḥanbali dalam al-Mughni (1997) dan Ibn Mundhir dalam al-Ishrāf (t.t). Selain itu Ibn al-‘Arabi dalam kitab Ahkām al-Qur’ān turut menukilkan pendapat Mālik ibn Anas (1913) bahawa fī sabīl Allāh ialah yang berperang. AlNawawi juga senada Mālik ibn Anas yang menyatakan dalam al-Majmū‘ Sharh al-Muhazzab bahawa fī sabīl Allāh dalam ayat al quran tersebut ialah al-Ghāzi iaitu mereka yang berjihad perang di jalan Allah yang tidak menerima upah atau gaji daripada Bayt al-Māl.

Maka menurut tafsiran yang diberikan oleh mereka yang lebih berautoriti terhadap makna fī sabīl Allāh, agihan zakat bagi tujuan kebajikan di bawah fī sabīl Allāh adalah tidak bertepatan dengan kehendak syarak. Kaedah *Lā Masāgh Li al-Ijtihād fī Mawrid al-Nas* diaplikasikan dalam hal ini sekaligus menyekat sebarang tafsiran moden terhadap makna fī sabīl Allāh. Maka satu jalan keluar perlu dicari sebagai alternatif terhadap permasalahan ini. Yang tidak boleh diijtihadkan adalah makna fī sabīl Allāh namun masih ada jalan keluar yang diberikan oleh para ulama. Model pengagihan menggunakan aṣnāf al-Ghārimin boleh digunakan bagi mengatasi masalah ini.

Model Pengagihan Ismail Dawūd Al-Faṭāni Menggunakan Aṣnāf Alghārimin

Menurut Ismail Dawūd al-Faṭāni (2003), hal ini boleh diselesaikan melalui model pengagihan menggunakan aṣnāf al-Ghārimin. al-Ghārimin yang membawa erti orang yang berhutang seperti:

- i. Berhutang kerana hendak menghentikan fitnah diantara dua kumpulan yang berkelahi, seperti seseorang yang dibunuh tanpa ternyata pembunuhnya, untuk menghentikan fitnah(pergaduhan) dia terpaksa menanggung hutang;
- ii. Atau berhutang kerana dirinya atau keluarganya pada melakukan perkara yang diharuskan sama ada ia(yang diharuskan)merupakan taat atau tidak, walaupun dibelanjakan pada pekerjaan maksiat,atau berhutang kerana maksiat tetapi dibelanjakannya pada perkara yang harus atau dibelanjakan pada perkara maksiat dan bertaubat ia daripadanya dan didhankan kebenarannya. Dibenarkan memberi zakat kepadanya jika dia tidak mampu membayar apabila sampai tempohnya;

- iii. Atau berhutang kerana menjamin hutang orang lain, jika jaminan dibuat dengan izin orang yang berhutang, diberikan zakat kepadanya dengan syarat kedua-duanya papa atau susah, dan jika jaminan dibuat tanpa izin orang yang berhutang diberikan zakat kepadanya (penjamin) dengan syarat dia susah atau papa, dan jika orang yang berhutang itu kaya sekalipun; dan
- iv. Atau berhutang kerana mengadakan jamuan, atau kerana membuat masjid atau kerana melepaskan tawanan Islam, maka diberikan kepadanya zakat.

Maka berdasarkan takrifan yang diberikan ini, agihan dalam *aṣnāf al-Ghārimin* bukan semata-mata kepada orang yang berhutang untuk diri sendiri dan keluarga, bahkan jika seseorang itu berhutang untuk kebajikan dan untuk melaksanakan amal kebaikan, contohnya membina masjid, mengadakan jamuan yang besar, mengadakan program-program berskala besar yang memerlukan kos yang tinggi, program-program untuk meningkatkan kefahaman Islam terutamanya akidah ahli Sunnah Wal Jamaah dan lain-lain, perbelanjaan untuk hal ehwal pentadbiran, dan hal-hal lain kebajikan yang lain.

Kaedah ini yang menggunakan pengagihan bahagian *aṣnāf al-Ghārimin* adalah jalan keluar kepada pusat-pusat zakat bagi melaksanakan program-program dakwah, pembinaan masjid, dan hal-hal lain yang berkaitan menggunakan saluran yang betul dan menepati kaedah syarak. Pihak yang berkaitan boleh membuat hutang terlebih dahulu bagi melaksanakan projek atau program kebajikan dan kemudiannya penyelesaian hutang boleh dilaksanakan melalui pengagihan zakat bahagian *aṣnāf al-Ghārimin*. Kaedah alternatif yang dikemukakan oleh Ismail Dawūd al-Faṭāni boleh diaplikasikan dan mesti dikaji dengan lebih mendalam dengan kajian lanjutan.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian-kajian di atas, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan pengkaji moden mengusulkan dana agihan *aṣnāf fī sabīl Allāh* digunakan bagi tujuan kebajikan yang bersifat lebih umum dan tidak tertumpu kepada mereka yang berperang di jalan Allah semata-mata. Sedangkan hal ini bercanggah dengan pendapat para ulama yang lebih berautoriti dan lebihlebi lagi bercanggah dengan takrifan *ijmā'*. Manakala bagi *aṣnāf al-Ghārimin* hanya ditumpukan kepada orang yang berhutang secara peribadi semata-mata dan tidak diluaskan skopnya sedangkan ada jalan syarak yang membenarkan dana *aṣnāf al-Ghārimin* digunakan bagi tujuan kebajikan dengan kaedah dan model yang tertentu.

Hal ini disebut secara umum oleh Ismail Dawūd al-Faṭāni (2003) namun tiada lagi kajian yang menjelaskan secara spesifik bagaimana hal ini boleh berlaku. Kesimpulannya, penulis mendapati bahawa perlunya ada satu kajian terperinci yang menjelaskan takrifan yang dikemukakan oleh Dawūd al-Faṭāni sebagai alternatif kepada pelaksanaan agihan zakat menggunakan bahagian *aṣnāf fī sabīl Allāh* bagi tujuan kebajikan. Kajian terperinci adalah diperlukan menyediakan cadangan model yang boleh dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

Rujukan

- Al-Quran
- Al-Anṣārī, Zakariyya. (2014). *Tuhfah Al-Tullāb Bi Sharhiyy Tahrir Tanqih Al-Lubāb*. Beirut: Dar Al-Mashari’
- al-Baghdādī, Abū Bakr Aḥmad bin ‘Ali bin Thābit al-Khātib. (1975). *al-Faqih wa al-Mutafaqqih*. t.tp.: Dār Iḥyā’ al-Sunnah al-Nabawiyah
- Al-Būrnū, Muḥammad Ṣidqī bin Aḥmad bin Muḥammad. (2002). *al-Wajīz fī Ḍāḥ al-Fiqh alKulliyah*. Cetakan 05. Beirut: Muassasah ar-Risālah
- Al-Dūsarī, Muslim bin Muḥammad bin Mājid. (2007). *al-Mumti’ fī al-Qawā’id al-Fiqhiyyah*. Riyāḍ: Dār Zidnī al-Ḥakim,
- Abū ‘Abd Allāh. (1997). *al-Mustadrak ‘ala al-Ṣaḥīḥayn*. Cetakan 01. Jilid 01. Kaherah: Dār al-Ḥaramayn li al-Ṭibā ‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī ‘
- al-Hararī, ‘Abd Allāh. (2004). *Sharḥ al-Qawīm fī Ḥāl Alfāz al-Ṣirāt al-Mustaqīm*. Beirut: Sharikah Dār al-Mashārī’ li al-Ṭaba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘
- Al-Khin, Dr. Mustofa, Al-Bugho, Dr. Mustofa & Asy-Syarbaji, Ali. (2011) *Fiqh Al-Manhaji*, Jilid 2, Bab Zakat, Puasa, Haji Dan Umrah, Mesir :Darus Salam Kaherah
- Al-Qādī, Samīr. (2020). *Sharḥ al-Waraqāt fī Usūl al-Fiqh li al-Mahalli*. Beirut: Sharikah Dār alMashārī’ li al-Ṭaba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘
- Al-Qarḍawī, Yusuf. (2007). *Fiqh Al-Zakah*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Al-Sharbini, Syamsudin Bin Muhammad. (T.T). *Al-Iqna’ Fi Hal Alfazd Abi Shuja’*.Beirut: Dar Al-Kutub Al-Islamiyah
- Azman Ab Rahman et.al, (2016). *Skim Agihan Zakat Kepada Asnaf Fi Sabilillah Mengikut Maqasid Syariah: Kajian di Selangor dan Wilayah Persekutuan*. Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016
- Dawūd Faṭāni,Muhammad Bin Ismail .(2018). *Matla’ Al-Badrain Wa Ma Majma’ Al-Bahrain*. Jil. 1. Selangor: Jabatan Mufti Selangor
- Ibn Al-‘Arabi, Muhammad Bin Abdullāh. (1931). *Kitab Ahkām Al-Qur’ān*: Matba’ah Al-Sa’ādah
- Ibn Manzur, Muhammad Bin Mukarram (1996). *Lisan Al-Arab*. Beirut: Dar Ihya’ Al-Turath Al-Arabi
- Ibn Mundhir, Abi Bakr Muhammad. (2004). *Al-Ishrāf ‘Ala Mazhāhib Al-Arba’ah*. Emiriyyah Arab Bersatu: Maktabah Makkah Al-Thaqafiyah
- Ibnu Qudāmah, ‘Abdullāh bin Qudaimah Al-Maqdisi(2004). *al-Mugni, jil. 4*. Kaherah: Dar AlHadith
- Mahadi Mohammad et.al, (2014). *Pentakrifan Asnaf Gharimin di Institusi-Institusi Zakat di Malaysia*. Seminar Waqf Iqlimi 2014. Universiti Sains Islam Malaysia: Negeri Sembilan
- Mahadi Mohammad et.al, (2014). *Qard Hasan Melalui Asnaf Al-Gharimin* yang diterbitkan dalam Jurnal Media Syari'ah: Wahana Kajian Hukum Islam dan Pranata Sosial Vol.16, No.1. Universitas Islam Negeri Ar-Raniry
- Mohamad Zulkurnai Ghazali, (2019). *Faktor Penentu Pembayaran Zakat Perniagaan di Kedah*. Tesis Ph.D. Universiti Utara Malaysia: Kedah
- Mohammad Suhaib Atan, (2009). *Pembagian Zakat Terhadap Gharim Menurut Fikih Klasik Dan Fikih Kontemporer*. Tesis Sarjana. UIN Syarif Hidayatullah: Jakarta
- Muaz Omar, Norita Kamaruddin & Dr. Fakhri Sungip (2016). *Konsep Zakat Dan Peranannya Dalam Masyarakat Sejagat*. Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016. Selangor. Hlm 68-86
- Muhibbuddin Abdullah, (2017). *Prinsip-Prinsip Agihan Zakat dan Pelaksanaannya di Negeri Selangor*. Tesis Sarjana. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia: Johor

- Mujamma' Al-Lughah Al-Al-Arabiah.(2004)., *Al-Mu'Jam Al-Wasī*, Mesir: Maktabah AlShuru' Al-Dauliyyah.
- Nooh Gadut. (2009). *Konsep Asnaf Fisabilillah Mengikut Hukum Syarak Kertas Kerja Dalam Seminar Pengagihan Zakat Di Bawah Sinf Fisabilillah*. Anjuran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Pada 9 Jun 2009
- Noor Syafinas. (2014). *Keberkesanan Agihan Zakat Kepada Asnaf Fakir dan Miskin: Kajian Kes Bantuan Jayadiri, Jabatan Zakat Negeri Kedah*. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang
- Rabi'atul Solehah, Nurul Ilyana Muhd Adnan. (2018). *Tafsiran Dan Status Asnaf Fisabilillah Dalam Pengagihan Zakat* Dalam Journal Of Advanced Research In Social And Behavioural Sciences Volume 12, Issue 1 (2018) 24-34
- Suhaimi, Abu Farouqi. (2017). *Sumbangan Institusi Zakat Terhadap Fakir dan Miskin: Kajian Perbandingan Antara Badan Amil Zakat (BAZ) Riau dan Lembaga Zakat Selangor*. Tesis Ph.D. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Kuala Lumpur